

17/02/1999

BN mampu perluas syiar Islam: Ilani

KOTA BHARU, Selasa - Pemimpin Barisan Nasional (BN) Kelantan menolak keras dakwaan bahawa parti itu mengamalkan sistem sekularisme dan menyifatkan tuduhan sedemikian sebagai tidak berasas.

Malah, pelbagai pengiktirafan yang diberi dunia Islam terhadap negara ini wajar dijadikan landasan terhadap kemampuan pemimpinnya memartabatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa.

Ahli Parlimen Kota Bharu, Ilani Isahak, berkata kerajaan pimpinan BN mampu memperluaskan syiar Islam bukan saja di negara ini, tetapi keberkesanannya juga berjaya menarik warga asing ke Malaysia untuk mempelajari pendidikan Islam.

"Dakwaan itu menuduh kita mengasingkan Islam daripada amalan hidup harian sedangkan keadaan begitu tidak berlaku," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Lama, Leong Su Siang, di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang mendakwa Umno adalah parti sekular seperti parti lain melainkan Pas yang berteraskan Islam.

Nik Abdul Aziz turut memberi pandangan peribadi terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang didakwa menyalahgunakan kepintaran pemberian Allah dengan menuju ke arah sekular dan tidak untuk Islam.

Ilani berkata, semua manusia termasuk Nik Abdul Aziz pernah melakukan kesalahan dan adalah menjadi tanggungjawab bagi semua pihak untuk berusaha memperbaiki diri.

"Kita seharusnya bermaaf-maafan dan saling bertoleransi serta mengelak daripada saling melabel sesama sendiri dengan tohmahan seperti sekularisme.

"Tuduhan (Nik Abdul Aziz) tidak sewajarnya keluar daripada mulut seorang pemimpin yang sepatutnya lebih cermat dalam mengatakan sesuatu.

"Umno sendiri tidak mahu Pas dilabelkan sebagai fundamentalis walaupun sebelum ini tuduhan sedemikian pernah dilempar terhadap Pas," katanya.

(END)